

D510

U B573 DEB
KABINET - JAWATAN

KUALA LUMPUR, 4 SEPT. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, AKAN MENYANDANG JAWATAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN BUAT SEMENTARA WAKTU, SEHINGGA KE SUATU MASA YANG PEPLUKAN PERUBAHAN, MENTERI PENERANGAN, DATUK RAIS YATIM BERKATA HARI INI.

BELIAU BERKATA, PERDANA MENTERI TELAH MENGUMUMKAN PERKARA ITU KEPADA KABINET YANG MENGADAKAN MESYUARATNYA HARI INI.

DATUK RAIS MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SELEPAS MESYUARAT ITU BAHAWA PERKARA ITU TELAHPUN DIWARTAKAN.

BELIAU BERKATA, FUNGSI SERTA KHIDMAT KEMENTERIAN BERKENAAN AKAN BERJALAN SEPERTI BIASA, DI BAWAH PENGAWASAN PERDANA MENTERI SENDIRI.

JAWATAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN DAHULU DISANDANG OLEH PEMANGKU PRESIDEN MCA, DATUK DR. NEO YEE PAN. PERKHIDMATAN DATUK DR. NEO DITAMATKAN PADA 16 OGOS LALU OLEH PERDANA MENTERI. -- LAGI.
1653MST 04 09 85

KABINET- JAWATAN 2 KUALA LUMPUR

PENAMATAN PERKHIDMATAN DATUK DR. NEO, JELAS PERDANA MENTERI SEBELUM INI, IALAH UNTUK MEMUDAHKAN PENYELESAIAN KRISIS MCA.

TERDAPAT DUA ORANG TIMBALAN MENTERI DI KEMENTERIAN BERKENAAN SEKARANG IAITU PUAN NAPSIAH OMAR DAN DATUK S. SUBRAMANIAM.

DATUK RAIS BERKATA, KABINET TELAH BERSETUJU DENGAN BEBERAPA CADANGAN BARU KEMENTERIAN PENERANGAN MENGENAI LESEN RADIO DAN TV.

ANTARANYA YANG BERHUBUNG DENGAN KEMUNGKINAN MEMANSUHKAN LESEN BAGI PEMILIK RADIO DI RUMAH TETAPI MENGEKALKAN LESEN RADIO UNTUK KERETA, TAMBAHNYA.

KABINET JUGA BERSETUJU PADA DASARNYA CADANGAN-CADANGAN KEMENTERIAN PENERANGAN UNTUK MENGEMASKINIKAN JENTERA KUTIPAN BAYARAN LESEN RADIO DAN TV SELURUH NEGARA, KATA BELIAU. -- BERNAMA
1657MST 04 09 85